

## AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

### SOALAN LAZIM BERHUBUNG PEMBUKAAN PERMOHONAN LESEN TEKSI & KERETA SEWA KEPADA INDIVIDU AWAM

Bil	Soalan	Jawapan
1	Apakah objektif APAD membuka permohonan lesen teksi dan kereta sewa kepada individu awam?	<ul style="list-style-type: none"><li>• Membantu pemandu mendapatkan lesen teksi/ kereta sewa tanpa terlebih dahulu perlu menjadi pemandu kedua kepada mana-mana pemandu teksi sedia ada ataupun menyewa permit dan kenderaan melalui perjanjian kontrak sewa pajak; dan</li><li>• Mengalakkan pemandu teksi untuk menjadi usahawan tanpa perlu terikat di bawah kontrak pajak.</li></ul>
2	Apakah syarat-syarat kelayakan permohonan?	Syarat-syarat kelayakan permohonan adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"><li>i. Warganegara Malaysia;</li><li>ii. bukan seorang penjawat awam;</li><li>iii. berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai Perniagaan Milikan Tunggal atau Perkongsian;</li><li>iv. tidak diisytiharkan mufis oleh Jabatan Insolvensi Negara;</li><li>v. mempunyai modal terkumpul sebanyak 30% berdasarkan nilai kenderaan atau mempunyai bukti pembelian kenderaan atau mempunyai kenderaan sedia ada;</li><li>vi. tidak memiliki sebarang Lesen Pengendali dan Permit Kenderaan kelas lesen teksi atau kereta sewa;</li><li>vii. bebas daripada sebarang kes atau hal yang belum selesai dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan APAD/ Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) dan bebas daripada sebarang senarai hitam di JPJ; dan</li><li>viii. memiliki Lesen Vokasional (PSV) Teksi/ Teksi Mewah/ Kereta Sewa/ E-hailing yang masih dalam tempoh sah laku.</li></ol>
3	Adakah pemegang kad pengenalan Pemaustatin Tetap Malaysia boleh membuat permohonan lesen ini?	Tidak.
4	Saya mempunyai kenderaan, adakah saya perlu menyediakan bukti modal terkumpul sebanyak 30% berdasarkan nilai kenderaan?	Tidak.

Bil	Soalan	Jawapan
5	Saya mempunyai bukti pembelian kenderaan, adakah saya perlu menyediakan bukti modal terkumpul sebanyak 30% berdasarkan nilai kenderaan?	Tidak.
6	Saya mempunyai Lesen Pengendali Teksi Mewah, adakah saya boleh memohon lesen ini?	Tidak.
7	Apakah maksud sebarang kes atau hal yang belum selesai dengan JPJ, PDRM dan APAD/ LPKP?	lanya merujuk kepada saman atau kompaun yang dikeluarkan oleh JPJ, PDRM atau APAD/ LPKP.
8	Berapakah jumlah lesen yang akan dibuka?	Jumlah lesen yang akan dibuka: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tahun 2022 - 1,000 lesen; dan</li> <li>• Tahun 2023 - 1,000 lesen.</li> </ul>
9	Mengapakah hanya 1,000 lesen sahaja dibuka setiap tahun?	Penetapan jumlah lesen yang akan dibuka dibuat berdasarkan kepada statistik permohonan yang diterima dan diluluskan dari tahun 2019 sehingga 2021 yang mana ianya tidak melebihi 1,000 permohonan.
10	Adakah terdapat sebarang bantuan kepada pemohon bagi mendapatkan kenderaan?	Tidak.
11	Berapa lamakah tempoh pemprosesan permohonan ini?	Tempoh tersebut akan dimaklumkan selepas tarikh permohonan ditutup.
12	Bagaimanakah saya boleh mendapatkan keputusan permohonan?	Keputusan akan dimaklumkan kepada pemohon melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) atau pemohon boleh terus membuat semakan melalui Portal APAD2U <a href="http://www.apad2u.apad.gov.my/v2/public/CheckPermohonan.aspx">http://www.apad2u.apad.gov.my/v2/public/CheckPermohonan.aspx</a>
13	Sekiranya permohonan saya diluluskan, berapa lamakah tempoh untuk saya melesenkan kenderaan?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 12 bulan dan tiada pelanjutan tempoh STK akan diberikan.</li> </ul>
14	Berapa ramaikah pemandu yang boleh didaftarkan bagi Kad Pemandu?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dua (2) orang boleh didaftarkan bagi Kad Pemandu iaitu pemilik kenderaan sebagai PEMANDU dan pemandu tambahan sebagai PEMANDU KEDUA.</li> </ul>
15	Sekiranya saya tidak berjaya mendapatkan pinjaman kewangan untuk membeli kenderaan, bolehkah saya menukar nama pada Surat Tawaran Kelulusan?	Tidak.
16	Dimanakah saya boleh mendapatkan borang permohonan lesen ini?	Salinan borang boleh didapati melalui capaian di laman sesawang APAD iaitu <a href="https://www.apad.gov.my/perkhidmatan-apad1/pengenalan-teksi1#section-id-1606697123489">https://www.apad.gov.my/perkhidmatan-apad1/pengenalan-teksi1#section-id-1606697123489</a>